- 5.2.3 menerima, merekod dan menyelesaikan aduan pelanggan; dan
- 5.2.4 untuk meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

5.3 Dasar Kualiti

TKPPM menggubal dasar kualiti bagi BPG seperti yang dinyatakan di para 3.2 manual ini.

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 32/55
		BPG-PPK-MK-01

5.4 Perancangan

5.4.1 Objektif Kualiti

TKPPM menggubal objektif kualiti bagi BPG seperti yang dinyatakan di para 3.4 manual ini.


5.4.2 Perancangan Sistem Pengurusan Kualiti

a. TKPPM bertanggungjawab menentukan perancangan organisasi. Perancangan ini berfokus kepada proses-proses untuk memenuhi objektif organisasi seperti dalam para 4.1 manual ini. Pihak Pengurusan hendaklah:

- i. menyediakan strategi perancangan tahunan BPG dan IPG;
- ii. menetapkan objektif organisasi;
- iii. mengenal pasti kehendak pelanggan;
- iv. mentafsirkan semua keperluan peraturan dan perundangan;
- v. menilai maklum balas pelanggan;
- vi. menilai prestasi proses; dan
- vii. mengenal pasti peluang-peluang penambahbaikan.

Output perancangan kualiti BPG dan IPG ditunjukkan melalui:

- i. peningkatan kemahiran dan pengetahuan staf;
 - ii. pelaksanaan perancangan penambahbaikan;
 - iii. sumber kewangan dan infrastruktur yang mencukupi;
 - iv. petunjuk dan kaedah bagi usaha penambahbaikan organisasi; dan
 - v. pendokumentasian rekod.
- b. TKPPM bertanggungjawab menentukan SPK sentiasa kekal kukuh walaupun berlaku perubahan ke atas SPK yang telah dirancang dan dilaksanakan.

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 33/55
		BPG-PPK-MK-01

5.5 Tanggungjawab, Kuasa dan Komunikasi

5.5.1 Tanggungjawab dan Kuasa

TKPPM menentukan setiap staf mempunyai tanggungjawab dan kuasa sebagaimana yang ditetapkan dalam senarai tugas dan pekeliling yang berkaitan. TKPPM juga menentukan setiap anggota mengetahui tanggungjawab dan kuasa mereka dan hubung kaitnya dengan bidang dan tanggungjawab anggota lain dalam organisasi BPG dan IPG.

5.5.2 Wakil Pengurusan

TKPPM melantik PPG sebagai WP. Tanggungjawab WP adalah untuk :

- a. mewujudkan, melaksanakan, dan menyelenggara SPK;
- b. melaporkan kepada PT tentang prestasi SPK dan sebarang keperluan penambahbaikan sistem tersebut;
- c. memastikan tahap kesedaran dan komitmen staf BPG dan IPG terhadap kepentingan menepati kehendak pelanggan dilakukan secara berterusan; dan
- d. bertindak sebagai perantara kepada pihak ketiga seperti MAMPU.

TKPPM juga melantik TPPG - LDP, TPPG - LPP dan Pengarah IPG sebagai TWP untuk membantu WP melaksanakan tugas yang dinyatakan di atas.

5.5.3 Komunikasi Dalaman

WP dan TWP memaklumkan dan menyebarkan SPK kepada semua staf organisasi, yang meliputi :

- a. visi, misi dan etika organisasi;
- b. dasar dan objektif organisasi;
- c. keperluan semua pihak yang berkepentingan;
- d. piagam Pelanggan;
- e. Isu dan masalah;
- f. kemajuan ke atas pencapaian tertentu;
- g. perubahan dalam proses;
- h. keputusan hasil pengukuran prestasi; dan

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 34/55
		BPG-PPK-MK-01

- i. keputusan hasil Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP).

WP dan TWP memaklumkan dasar dan objektif kualiti melalui pelbagai kaedah seperti perhimpunan, mesyuarat, taklimat, dialog, latihan dalaman, kajian, jurnal, peti cadangan, memo, buletin, dan mel media cetak atau media elektronik.

5.6 Kajian Semula Pengurusan

5.6.1 Am

MKSP diadakan dua kali setahun untuk mengkaji SPK. MKSP dijalankan dalam dua peringkat iaitu pada peringkat IPG sebagai Mesyuarat Prakajian Semula Pengurusan (Pra-MKSP) dan di peringkat induk sebagai MKSP. Mesyuarat ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan SPK yang berterusan supaya sentiasa memenuhi dasar dan objektif kualiti SPK serta semua keperluan yang ditetapkan.

Keanggotaan Pra-MKSP adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : WP/ TWP

Ahli : Pengerusi Pasukan Pelaksana

Timbalan Pengerusi Pasukan Pelaksana

Pengerusi Sekretariat

Pengerusi JK Audit Dalaman

Pengerusi JK Bimbingan dan Pemantauan

Pengerusi JK Maklum Balas Pelanggan

Pengerusi JK Penambahbaikan

Pengerusi JK Penilaian Prestasi Sistem

Semua anggota Majlis Profesional, Pengurusan dan Pentadbiran

Semua Pemegang PK

Pegawai Dokumen

Keanggotaan MKSP adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : TKPPM

Ahli : WP

Semua TWP

Pengerusi Pasukan Pelaksana Induk

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 35/55
		BPG-PPK-MK-01

Pengerusi JK Audit Dalaman
 Pengerusi Sekretariat
 Pengerusi JK Bimbingan dan Pemantauan
 Pengerusi JK Dokumentasi
 Pengerusi JK Maklum Balas Pelanggan
 Pengerusi JK Penambahbaikan
 Pengerusi JK Penilaian Prestasi Sistem
 Semua Penyelaras Zon
 Sekretariat
 Pegawai Dokumen BPG

5.6.2 Input dan Agenda Kajian Semula Pengurusan

Input dan agenda bagi Pra-MKSP dan MKSP hendaklah meliputi maklumat yang berikut:

- a. Laporan Pencapaian Dasar dan Objektif Kualiti;
- b. Laporan Penemuan Audit Dalaman;
- c. Laporan Maklum Balas Kepuasan dan Aduan Pelanggan;
- d. Laporan Prestasi Proses Penyampaian Perkhidmatan yang Tidak Memenuhi Standard;
- e. Laporan Keperluan Latihan;
- f. Perubahan atau Cadangan Perubahan yang Memberi Kesan kepada SPK-BPG;
- g. Tindakan Pembetulan dan Pencegahan yang Telah Dilaksanakan serta Cadangan Penambahbaikan; dan
- h. Laporan Prestasi Pembekal.
- i. Laporan Status Penyelenggaraan infrastruktur.

5.6.3 Output Kajian Semula Pengurusan

PT perlu menggunakan *output* MKSP sebagai input untuk proses penambahbaikan. *Output* yang terpilih disembarkan dalam kalangan warga organisasi untuk menunjukkan bagaimana proses MKSP menetapkan objektif baharu yang berfaedah kepada organisasi. *Output* MKSP perlu mengandungi perkara yang berikut:

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 36/55
		BPG-PPK-MK-01

- a. peningkatan keberkesanan SPK dan prosesnya;
- b. peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan;
- c. sumber yang diperlukan; dan

WP dan TWP bertanggungjawab memastikan *output* MKSP diminitkan dan tindakan susulan diambil ke atas semua keputusan tersebut.

Dokumen yang berkaitan ialah:

Semua BPG-PPK-PT, BPG-PPK-PUP, BPG-PPK-PUS

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 37/55
		BPG-PPK-MK-01

SEKSYEN 6 PENGURUSAN SUMBER

6.1 Am

- a. BPG memastikan dan menyediakan sumber yang diperlukan termasuk sumber kewangan dan manusia iaitu perjawatan, latihan, maklumat, peralatan, sumber pengajaran dan pembelajaran, persekitaran kerja, dan infrastruktur.
- b. Meningkatkan kepuasan pelanggan mengikut keperluannya. Pertimbangan harus diberikan kepada pembekalan yang berkesan, cekap dan menepati masa.

Dokumen yang berkaitan ialah:

- BPG-PPK-PT-06 Perancangan Tahunan BPG dan IPG
- BPG-PPK-PUP-05 Penyediaan Anggaran Belanja Mengurus dan Kawalan Peruntukan
- BPG-PPK-PUP-06 Perolehan

6.2 Sumber Manusia

- a. Anggota Organisasi yang dipertanggungjawabkan perlu memenuhi kriteria berdasarkan kelayakan akademik, profesional, latihan, kemahiran dan pengalaman.
- b. Keupayaan, Kesedaran dan Latihan:

BPG bertanggungjawab:

 - i.mengenal pasti keperluan kepakaran bagi anggota organisasi;
 - ii. mengadakan latihan atau tindakan bagi memenuhi keperluan;
 - iii. menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil;
 - iv. meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga BPG dan IPG mengenai kepentingan aktiviti dan sumbangan mereka terhadap pencapaian objektif kualiti. Ini disampaikan melalui mesyuarat MPPP di BPG dan IPG serta Mesyuarat Pengarah- Pengarah IPG; dan
 - v. menyenggara rekod berkaitan dengan latihan pendidikan, kelayakan dan pengalaman.

Dokumen yang berkaitan:

- BPG-PPK-PUS-01 Kawalan Rekod Kualiti
- BPG-PPK-PUS-03 Latihan Pembangunan Staf

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 38/55
		BPG-PPK-MK-01

6.3 Infrastruktur

BPG bertanggungjawab untuk mengenal pasti, menyediakan, dan menyenggara infrastruktur yang diperlukan bagi menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Infrastruktur meliputi:

- a. bangunan, tempat kerja dan kemudahan yang berkaitan seperti dewan, bilik kuliah, makmal, bengkel pengajaran dan pembelajaran, asrama, pusat sumber, gelanggang sukan dan sebagainya;
- b. peralatan, perkakasan dan perisian untuk pengajaran dan pembelajaran;
- c. perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan dan komunikasi.

Dokumen yang berkaitan :

- BPG-PPK-PT-21 Pengurusan Perpustakaan
 BPG-PPK-PT-22 Pengendalian Makmal Pengajaran dan Pembelajaran
 BPG-PPK-PUP-08 Penyelenggaraan Infrastruktur

6.4 Persekitaran Kerja

BPG hendaklah mengenal pasti dan mengurus persekitaran kerja yang kondusif dengan keperluan pengurusan pendidikan keguruan yang dapat memberikan kesan positif terhadap motivasi, prestasi dan kepuasan bekerja anggotanya supaya mereka dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi organisasi.

Dokumen yang berkaitan :

- BPG-PPK-PT-09 Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran
 BPG-PPK-PT-11 Pelaksanaan Kokurikulum
 BPG-PPK-PT-12 Pengurusan Praktikum

	MANUAL KUALITI	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 39/55
		BPG-PPK-MK-01

SEKSYEN 7

PROSES PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN PENDIDIKAN KEGURUAN

7.1 Perancangan Penyampaian Perkhidmatan PPK

BPG merancang dan membangunkan proses yang diperlukan bagi perkhidmatan PPK untuk memenuhi keperluan pelanggan. Perancangan ini memenuhi semua proses utama dan sokongan yang ada dalam SPK BPG dan IPG. *Output* perancangan penyampaian perkhidmatan PPK disediakan dalam bentuk Perancangan Tahunan BPG dan IPG yang mengandungi aktiviti, tarikh, peruntukan sumber, pihak yang bertanggungjawab dan kumpulan sasaran.

BPG memastikan perancangan dijelaskan dengan memasukkan perkara yang berikut:

- a. objektif dan keperluan kualiti bagi perkhidmatan PPK;
- b. keperluan untuk mewujudkan proses dan dokumen serta menyediakan sumber khusus untuk perkhidmatan PPK seperti latihan personel, penyediaan peruntukan kewangan dan penyelenggaraan infrastruktur;
- c. verifikasi, pengesahan, pemantauan, pemeriksaan dan aktiviti penilaian yang diperlukan ke atas perkhidmatan PPK dan menetapkan kriteria yang boleh diterima; dan
- d. rekod yang diperlukan bagi membuktikan bahawa proses bagi perkhidmatan PPK memenuhi keperluan.

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PT-01	Penyediaan Unjuran Keperluan dan Pengambilan Guru
BPG-PPK-PT-06	Perancangan Tahunan BPG dan IPG
BPG-PPK-PT-09	Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran
BPG-PPK-PT-11	Pelaksanaan Kokurikulum
BPG-PPK-PT-12	Pengurusan Praktikum

7.2 Proses Berkaitan dengan Pelanggan

7.2.1 BPG menentukan keperluan yang berkaitan dengan perkhidmatan PPK yang hendak disampaikan seperti yang berikut:

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 40/55
		BPG-PPK-MK-01

- a. keperluan pelanggan organisasi iaitu sekolah terhadap guru termasuk keperluan aktiviti perkhidmatan PPK dan pasca PPK yang diterangkan di Seksyen 3;
- b. keperluan perkhidmatan PPK yang tidak dinyatakan oleh pelanggan tetapi perlu bagi kegunaan yang spesifik;
- c. keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan PPK seperti Akta Pendidikan 1996, Perintah Am, Akta 174 dan etika keguruan; dan
- d. keperluan tambahan yang ditentukan oleh BPG seperti Peraturan Lembaga Peperiksaan Pendidikan Guru (LPPG).

7.2.2 Semakan terhadap keperluan perkhidmatan berkaitan dengan PPK.

Sebelum membekalkan keperluan berkaitan dengan perkhidmatan PPK, BPG perlu memastikan bahawa:

- a. keperluan perkhidmatan PPK ditentukan dengan tepat;
- b. tindakan penyelesaian akan diambil terhadap sebarang percanggahan yang timbul dengan perkhidmatan PPK yang ditentukan terdahulu; dan
- c. semua keupayaan digunakan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan PPK yang ditentukan.

Hasil semakan keperluan serta tindakan susulan hendaklah direkodkan. Semakan kepada keperluan hendaklah menghasilkan pindaan yang relevan kepada dokumen serta dihebahkan kepada anggota organisasi.

7.2.3 Komunikasi dengan pelanggan

BPG mewujudkan dan melaksanakan komunikasi yang berkesan dengan pelanggan berhubung dengan:

- a. menyediakan maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan PPK;
- b. menjawab pertanyaan termasuk perubahan; dan
- c. maklum balas pelanggan, termasuk aduan pelanggan.

Antara saluran komunikasi dengan pelanggan ialah surat, media elektronik, brosur, buletin, buku panduan dan dialog.

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PT-01 Penyediaan Unjuran Keperluan dan Pengambilan Guru

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 41/55
		BPG-PPK-MK-01

BPG-PPK-PT-02 Pengurusan Permohonan

BPG-PPK-PT-06 Perancangan Tahunan BPG dan IPG

BPG-PPK-PUP-04 Maklum Balas Pelanggan

7.3 Reka Bentuk dan Pembangunan Proses

7.3.1 Perancangan Reka Bentuk dan Pembangunan Proses

BPG merancang dan mengawal aktiviti mereka bentuk dan membangunkan pemberian perkhidmatan kepada pelanggan. Untuk menyediakan perancangan ini, BPG menentukan:

- a. peringkat yang terlibat dalam aktiviti mereka bentuk dan pembangunan proses pemberian perkhidmatan;
- b. penyemakan semula, verifikasi dan kesahan yang bersesuaian untuk setiap peringkat reka bentuk dan pembangunan proses pemberian perkhidmatan; dan
- c. pihak yang bertanggungjawab dan kuasa yang terlibat dalam aktiviti reka bentuk dan pembangunan proses pemberian perkhidmatan;

BPG mengenal pasti dan mengurus semua pihak yang terlibat dalam aktiviti mereka bentuk dan membangunkan proses pemberian perkhidmatan melalui pembahagian tanggungjawab yang jelas dan komunikasi yang berkesan.

Output yang dihasilkan daripada perancangan ini hendaklah dikemas kini mengikut kemajuan aktiviti mereka bentuk dan pembangunan proses pemberian perkhidmatan tersebut.

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PT-25 Reka Bentuk Kurikulum

7.3.2 Input kepada Aktiviti Mereka Bentuk dan Pembangunan Proses Pemberian Perkhidmatan

BPG menentukan input yang berkaitan dengan keperluan reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta program baharu. Semua rekod ini hendaklah dikemas kini. Input ini adalah termasuk:

- a. objektif dan matlamat;

	MANUAL KUALITI	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 42/55
		BPG-PPK-MK-01

- b. Akta Pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Guru dan dasar kerajaan;
- c. maklumat reka bentuk kurikulum terdahulu, jika perlu; dan
- d. keperluan penting yang lain digunakan untuk mereka bentuk dan pembangunan kurikulum.

Input ini perlu disemak dari segi kecukupan dan ketepatannya. Semua keperluan mestilah lengkap, jelas dan tidak bercanggah antara satu sama lain.

7.3.3 *Output* Reka Bentuk dan Pembangunan

Kurikulum yang dihasilkan perlu dalam bentuk yang boleh disahkan dan diluluskan sebelum diterbitkan. Kurikulum perlu :

- a. memenuhi keperluan input;
- b. menyediakan maklumat yang tepat mengenai PPK dan ruang untuk peningkatan profesionalisme guru;
- c. mengandungi rujukan kriteria PPK; dan
- d. menentukan ciri-ciri penggunaan kurikulum dalam PPK.

7.3.4 Semakan Reka Bentuk dan Pembangunan

Pada peringkat yang telah ditetapkan dalam perancangan, semakan secara sistematik ke atas reka bentuk dan pembangunan kurikulum akan dijalankan (lihat 7.3.1) untuk:

- a. menilai kemampuan hasil reka bentuk dan pembangunan kurikulum memenuhi keperluan PPK ; dan
- b. mengenal pasti sebarang masalah dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi masalah berkenaan.

Anggota kumpulan semakan kurikulum terdiri daripada wakil yang terlibat dalam setiap peringkat reka bentuk dan pembangunan kurikulum. Keputusan semakan dan sebarang tindakan yang perlu diambil hendaklah direkod (lihat 4.2.4).

	MANUAL KUALITI	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 43/55
		BPG-PPK-MK-01

7.3.5 Verifikasi Reka Bentuk dan Pembangunan

BPG melaksanakan verifikasi reka bentuk dan pembangunan mengikut perancangan untuk memastikan *output* telah memenuhi keperluan input reka bentuk dan pembangunan. Hasil verifikasi dan tindakan yang perlu diambil hendaklah direkodkan.

7.3.6 Validasi Reka Bentuk dan Pembangunan Proses Pemberian Perkhidmatan

- a. BPG menentukan kesahan ke atas *output* reka bentuk dan pembangunan kurikulum melalui kelulusan dan pengesahan mesyuarat Jawatankuasa Penggubalan Kurikulum Pendidikan Guru.
- b. Rekod hasil kesahan hendaklah disenggara.

7.3.7 Kawalan terhadap Perubahan Reka bentuk dan Pembangunan

BPG memastikan kawalan dilaksanakan terhadap perubahan kurikulum dan program yang direka bentuk dan dibangunkan. Kawalan ini termasuk;

- a. merekodkan sebarang pindaan ke atas reka bentuk dan pembangunan kurikulum dan program;
- b. melaksanakan semakan, verifikasi, kesahan yang bersesuaian dan mendapatkan kelulusan sebelum pindaan tersebut dilaksanakan;
- c. penilaian tentang kesan perubahan ke atas komponen *output* reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta implikasi terhadap kurikulum dan program yang sedang dilaksanakan; dan
- d. merekodkan aktiviti pindaan tersebut.

7.4 Perolehan

7.4.1 Proses Perolehan

BPG perlu memastikan barangan dan perkhidmatan yang diperoleh untuk melaksanakan PPK menepati keperluan perolehan yang ditetapkan. Jenis dan Tahap kawalan ke atas pembekal dan bahan yang diperolehi hendaklah bergantung kepada kesan perolehan bahan tersebut ke atas proses pemberian perkhidmatan yang seterusnya atau perkhidmatan akhir yang disampaikan kepada pelanggan .

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 44/55
		BPG-PPK-MK-01

BPG menilai dan memilih pembekal berdasarkan keupayaan mereka membekalkan barangan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan yang ditetapkan. Kriteria pemilihan bagi penilaian dan penilaian semula prestasi pembekal berdasarkan keperluan yang ditetapkan dalam prosedur kualiti yang berkaitan. Keputusan penilaian dan sebarang tindakan pembedahan yang diambil perlu direkod.

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PUP-06 Perolehan

BPG-PPK-PUP-09 Pengurusan Aset dan Stor

7.4.2 Maklumat perolehan

Maklumat perolehan hendaklah lengkap dan jelas, iaitu mengandungi spesifikasi barangan dan perkhidmatan yang ditetapkan termasuk ;

- a. keperluan untuk meluluskan prosedur, proses yang terlibat dan peralatan yang diperlukan;
- b. keperluan kelayakan personel yang terlibat; dan
- c. keperluan semakan ke atas kualiti barangan dan perkhidmatan yang dibeli, harga, prestasi penghantaran dan tindakan kepada masalah yang dikemukakan.

7.4.3 Verifikasi Barangan dan Perkhidmatan yang diperoleh

BPG menetapkan dan menjalankan pemeriksaan atau aktiviti lain yang diperlukan bagi memastikan barangan dan perkhidmatan memenuhi kehendak yang ditentukan. Sekiranya BPG bercadang untuk melaksanakan verifikasi di premis pembekal, cara verifikasi tersebut dan cara pengesahan perolehan hendaklah dinyatakan dalam dokumen perolehan.

7.4.4 Maklumat Pengurusan Aset dan Stor

Maklumat pengurusan hendaklah lengkap dan jelas, iaitu mengenal, mengawal, menyimpan, menjaga, menyelenggara, mendapatkan semula dan melupuskan barang termasuk:

- a. Mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemaskini;

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 45/55
		BPG-PPK-MK-01

- b. Memudahkan pengesanan dan pemantauan;
- c. Membolehkan keadaan aset diketahui; dan
- d. Memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset

7.5 Proses Penyampaian Perkhidmatan PPK

7.5.1 Kawalan terhadap Proses Penyampaian Perkhidmatan PPK

BPG merancang dan mengawal pelaksanaan penyampaian perkhidmatan PPK kepada pelanggan. Kaedah kawalan termasuk:

- a. menyediakan maklumat yang menjelaskan tentang ciri Perkhidmatan PPK;
- b. membina AK mengikut keperluan ;
- c. menggunakan peralatan yang sesuai;
- d. menyediakan dan menggunakan instrumen pemantauan dan alat pengukuran;
- e. melaksanakan aktiviti pemantauan dan pengukuran; dan
- f. menyerahkan senarai pelajar yang tamat latihan ke Bahagian Sekolah, Jabatan Pendidikan Teknikal, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral serta Jabatan Pendidikan Khas untuk penempatan. Maklum balas daripada pelanggan tentang prestasi PPK dianalisis dalam tempoh enam bulan selepas penempatan.

7.5.2 Validasi Proses Pemberian PPK

Subseksyen ini dikecualikan kerana semua proses PPK boleh diverifikasi.

7.5.3 Identifikasi dan Kemudahkesanan

BPG mengenal pasti perkhidmatan PPK pada setiap peringkat operasi perkhidmatan. BPG mengenal pasti status perkhidmatan PPK yang berkaitan dengan pengukuran dan pemantauan.

Untuk membolehkan kemudahkesanan, BPG mengawal dan merekod mengikut prosedur kawalan rekod. Setiap mata pelajaran yang ditetapkan diberikan identifikasi dengan menggunakan kod yang bersiri. Setiap IPG juga diberikan nombor kod yang merupakan singkatan kepada IPG berkenaan untuk

	MANUAL KUALITI	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 46/55
		BPG-PPK-MK-01

memudahkan urusan Ujian Kelayakan Pendidikan Keguruan, temu duga, pengagihan calon yang ditawarkan, pemantauan, penilaian dan penempatan ke sekolah. Setiap pelajar juga diberikan kod pada kad matrik yang digunakan sebagai rujukan sepanjang tempoh pengajian.

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PT-03	Pengurusan Ujian Kelayakan Pendidikan Guru
BPG-PPK-PT-04	Pengurusan Temu Duga
BPG-PPK-PT-05	Pengurusan Pemilihan dan Tawaran
BPG-PPK-PT-07	Pendaftaran Pelajar Baru
BPG-PPK-PT-15	Pentadbiran Peperiksaan dan Pemprosesan Keputusan Peperiksaan

7.5.4 Harta Pelanggan

Subseksyen ini dikecualikan kerana pelanggan tidak memperuntukkan sebarang harta kepada BPG bagi melaksanakan proses PPK.

7.5.5 Pemuliharaan Penyampaian Perkhidmatan PPK

BPG mengenal pasti kaedah pemuliharaan terhadap penyampaian PPK mengikut keperluan SPK BPG.

Pemuliharaan perlu meliputi identifikasi, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan, dan perlindungan. Pemuliharaan juga digunakan kepada komponen tertentu dalam PPK seperti menyimpan kertas soalan, skrip jawapan, borang perjanjian dan rekod-rekod pelajar.

7.6 Kawalan Alat Pemantauan dan Pengukuran

BPG menentukan penggunaan alat/kaedah untuk melaksanakan pemantauan dan pengukuran bagi membuktikan kepatuhan PPK terhadap kehendak yang ditetapkan. Peralatan/kaedah yang digunakan untuk memantau dan mengukur dikawal bagi memastikan pemantauan dan pengukuran adalah tekal.

Bagi memastikan keputusan pemantauan dan pengukuran yang tepat, peralatan/kaedah pemantauan dan pengukuran hendaklah, di mana perlu:


	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 47/55
		BPG-PPK-MK-01

- a. dikalibrasi atau diverifikasi dengan mematuhi standard yang ditetapkan secara berjadual sebelum digunakan. Jika tidak terdapat standard sedia ada, asas kalibrasi atau verifikasi hendaklah direkodkan seperti pengesahan kertas soalan peperiksaan;
- b. boleh diubah suai atau diubah suai semula apabila perlu;
- c. dikenal pasti boleh menentu ukur status kalibrasi/verifikasi;
- d. dilindungi daripada perubahan yang boleh mengakibatkan penilaian tidak sah; dan
- e. terpelihara daripada kerosakan dan kemerosotan nilai semasa pengendalian, penyelenggaraan dan penyimpanan.

Hasil kalibrasi dan verifikasi direkodkan. Perisian komputer seperti perisian komputer analisis item dan bank item peperiksaan yang digunakan untuk penilaian telah disahkan memenuhi keperluan yang ditetapkan. Pengesahan hendaklah dibuat sebelum peralatan/kaedah berkenaan digunakan pertama kali dan disahkan semula mengikut keperluan.

Dokumen yang berkaitan:

- | | |
|---------------|--|
| BPG-PPK-PT-13 | Penggubalan Kertas Soalan dan Peraturan Memberi Markah |
| BPG-PPK-PT-14 | Pentaksiran Kerja Kursus |
| BPG-PPK-PT-19 | Penyediaan Analisis dan Bank Item |

	MANUAL KUALITI	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 48/55
		BPG-PPK-MK-01

SEKSYEN 8

PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN

8.1 Pengenalan

BPG merancang dan melaksanakan pemantauan, pengukuran, penganalisan dan proses penambahbaikan yang diperlukan untuk:

- a. menunjukkan pematuhan terhadap ciri-ciri perkhidmatan PPK;
- b. memastikan kepatuhan kepada SPK BPG-IPG; dan
- c. membuat penambahbaikan yang berterusan secara berkesan ke atas SPK.

Kaedah pelaporan menggunakan teknik analisis statistik seperti carta bar, graf garisan, carta pai atau/serta senarai semak untuk membuat keputusan.

8.2 Pemantauan dan Pengukuran

8.2.1 Kepuasan Pelanggan

BPG memantau tahap persepsi kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PPK dalam tempoh enam bulan dari tarikh guru ditempatkan di sekolah yang dipilih secara rawak.

Maklum balas pelanggan dikesan dengan menggunakan instrumen Soal Selidik Kepuasan Pelanggan. Data yang diperolehi daripada Borang Aduan Pelanggan dan Soal Selidik Kepuasan Pelanggan dianalisis.

Dokumen yang berkaitan

BPG-PPK-PUP-04 Maklum Balas Pelanggan

8.2.2 Audit Dalaman

WP atau TWP melantik Jawatankuasa Audit Dalaman untuk merancang dan menjadualkan program pengauditan. Perancangan ini meliputi skop dan semua proses yang perlu diaudit serta menyediakan Jadual Tahunan Audit Dalaman yang merangkumi tarikh audit, proses yang perlu diaudit mengikut keutamaan dan kepentingan proses. WP atau TWP bertanggungjawab :

- a. menyemak dan meluluskan Jadual Tahunan Audit Dalaman;
- b. melantik Pasukan Audit Dalaman (PAD) yang terlatih dan bebas daripada proses yang diaudit.

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 49/55
		BPG-PPK-MK-01

Dapatan audit direkodkan secara bertulis dan dilaporkan kepada WP atau TWP yang bertanggungjawab memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera. WP atau TWP juga bertanggungjawab untuk memastikan audit susulan dijalankan bagi memastikan tindakan pembetulan ke atas ketidakpatuhan yang ditemui dilaksanakan dengan berkesan. Tindakan pembetulan yang tidak melibatkan dasar dilaksanakan oleh WP atau TWP dan dilaporkan kepada MKSP.

WP atau TWP bertanggungjawab memastikan tindakan pembetulan yang diputuskan oleh PT berkaitan dengan dasar dilaksanakan dan diambil tindakan susulan.

Audit Dalaman dijalankan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pengauditan perlu dilaksanakan sebelum MKSP .

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PUP-03 Audit Dalaman

8.2.3 Pemantauan dan Pengukuran Proses

BPG mengenal pasti dan menggunakan kaedah yang sesuai untuk melaksanakan pemantauan dan pengukuran proses SPK. Kaedah pemantauan dan pengukuran yang digunakan menunjukkan proses berupaya mencapai hasil yang dirancang. Kaedah yang digunakan meliputi soal selidik, pemerhatian dan kajian. Hasil pemantauan dianalisis dan diambil tindakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Apabila hasil yang dirancang tidak dapat dicapai, pembetulan segera dan tindakan pembetulan yang bersesuaian diambil untuk memastikan proses memenuhi keperluan perkhidmatan PPK yang ditetapkan.

8.2.4 Pemantauan dan Pengukuran Perkhidmatan PPK

BPG membuat pemantauan dan pengukuran perkhidmatan PPK di beberapa peringkat penghasilan produk bagi memastikan keperluan perkhidmatan dipenuhi iaitu:

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 50/55
		BPG-PPK-MK-01

a. Peringkat Proses Penerimaan

Proses penyemakan perkhidmatan PPK yang dijalankan pada peringkat penerimaan adalah seperti yang berikut:

i. Peringkat Pendaftaran Pelajar

Semakan ke atas dokumen calon untuk memastikan hanya calon yang layak didaftarkan.

ii. Peringkat Penerimaan Perolehan

Semakan ke atas perolehan bekalan dan perkhidmatan untuk memastikan bekalan dan perkhidmatan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan.

b. Semasa Proses Perkhidmatan PPK

Proses penyemakan perkhidmatan PPK yang dijalankan pada peringkat pemerosesan adalah seperti berikut:

i. Pengajaran dan Pembelajaran, Praktikum, Kokurikulum

Komponen dalam proses pengajaran dan pembelajaran diperiksa dan dinilai untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berkesan mengikut struktur kurikulum, sukatan pelajaran dan garis panduan Kokurikulum dan Praktikum melalui:

- pemantauan proses pengajaran dan pembelajaran, praktikum dan Kokurikulum; dan
- penilaian ke atas kemudahan pengajaran dan pembelajaran, praktikum, dan Kokurikulum.

ii. Kelayakan menduduki peperiksaan

Pelajar perlu memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan seperti peratus kehadiran interaksi pengajaran dan pembelajaran, Kokurikulum dan Praktikum, lulus dalam kerja kursus serta rekod tatatertib yang baik.

iii. Pentaksiran

Pentaksiran Berterusan di peringkat ini dibuat untuk memastikan pelajar mencapai tahap kelulusan yang ditetapkan dalam Peraturan LPPG.

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 51/55
		BPG-PPK-MK-01

c. Peringkat Akhir

Semakan peringkat akhir dibuat bagi perkara yang berikut:

- i. Menyemak Borang Induk Keputusan Peperiksaan (BIKP) untuk memastikan BIKP itu betul dan tepat sebelum Mesyuarat JKPPiPG dan LPPG;
- ii. Menyemak transkrip keputusan peperiksaan pelajar untuk memastikan transkrip itu tepat sebelum diserahkan kepada pelajar;
- iii. Menyemak maklumat dalam lembaran Diploma dan Ijazah untuk memastikannya betul sebelum diserahkan kepada pelajar; dan

Semua rekod penyemakan dan pentaksiran disimpan serta disenggarakan.

8.3 Kawalan ke Atas Pengurusan Pendidikan Keguruan (PPK) yang Tidak Memenuhi Keperluan yang Ditetapkan

8.3.1 Peringkat Proses Penerimaan PPK

Kawalan bagi proses atau dokumen yang tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan dilaksanakan secara yang berikut:

- a. Peringkat Pendaftaran Pelajar
 - i. Pelajar yang tidak layak didaftarkan dirujuk kepada Unit PPP, BPG sebelum didaftarkan. Jika tidak layak, pelajar tidak didaftarkan;
 - ii. Pelajar yang tidak membawa dokumen asal atau dokumennya diragui kesahihannya, pendaftarannya hendaklah ditangguhkan. Pelajar hendaklah mengemukakan dokumen yang sah dalam tempoh yang ditetapkan.
- b. Peringkat Penerimaan Perolehan

Perolehan yang tidak memenuhi spesifikasi dikembalikan kepada pembekal, direkodkan dan pembekal diberikan peringatan.

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 52/55
		BPG-PPK-MK-01


8.3.2 Semasa Proses Penyampaian PPK

Kawalan semasa proses PPK dibuat seperti yang berikut:

- a. Proses pengajaran dan pembelajaran
 - i. Jika melanggar peraturan, pelajar diambil tindakan berdasarkan peraturan tatatertib yang ditetapkan; dan
 - ii. Kemudahan pengajaran yang tidak mencukupi atau rosak dikenal pasti dan tindakan diambil untuk mendapatkan peruntukan bagi pembelian atau pembaikpulihan.
- b. Proses Pentaksiran
 - i. Pelajar yang tidak layak menduduki peperiksaan:
 - dengan sebab-sebab yang dibenarkan, dikehendaki mengulang semester;
 - tanpa sebab-sebab yang dibenarkan, kesnya akan dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib IPG.
 - ii. Pelajar yang gagal dalam mana-mana kaedah pentaksiran dikehendaki menjalani pentaksiran ulangan;
 - iii. Pelajar yang gagal dalam Penilaian Berterusan seperti Kerja Kursus atau Kokurikulum :
 - diambil tindakan mengikut garis panduan Perintah LPPG dan Peraturan Peperiksaan Institut Pendidikan Guru.
 - iv. Pelajar yang gagal dalam penilaian ulangan diberhentikan kursus
 - Pelajar yang tidak menepati syarat dalam praktikum diambil tindakan mengikut garis panduan praktikum
- c. Peringkat Akhir

Kawalan yang dilakukan di peringkat akhir ialah:

 - i. BIKP yang tidak tepat, dibetulkan sebelum Mesyuarat JKPPiPG dan LPPG;
 - ii. transkrip keputusan peperiksaan yang tidak tepat, dibetulkan sebelum diserahkan kepada pelajar; dan
 - iii. lembaran Diploma dan Ijazah yang tersilap maklumat digantikan dengan yang baharu sebelum diserahkan kepada pelajar.

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 53/55
		BPG-PPK-MK-01

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PT-07	Pendaftaran Pelajar Baru
BPG-PPK-PT-09	Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran Pembelajaran
BPG-PPK-PT-11	Pelaksanaan Kokurikulum
BPG-PPK-PT-12	Pengurusan Praktikum
BPG-PPK-PT-14	Pentaksiran Kerja Kursus
BPG-PPK-PT-15	Pentadbiran Peperiksaan dan Pemprosesan Keputusan Peperiksaan
BPG-PPK-PT-16	Pemeriksaan Kertas Jawapan Bertulis
BPG-PPK-PT-23	Pengurusan Bimbingan dan Kaunseling
BPG-PPK-PT-24	Pengurusan Disiplin Pelajar
BPG-PPK-PUP-06	Perolehan

	<p style="text-align: center;">MANUAL KUALITI</p>	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 54/55
		BPG-PPK-MK-01

8.4 Analisis Data

BPG telah menetapkan jenis data yang perlu dikumpulkan bagi proses yang berkaitan. Tanggungjawab ini perlu dijalankan oleh pelaksana-pelaksana prosedur kualiti di peringkat BPG dan IPG. Data yang berkaitan (rujuk Lampiran 4) telah ditentukan dan perlu dianalisis mengikut kadar kekerapan yang telah ditentukan.

Hasil analisis hendaklah memberikan maklumat tentang

- a. kepuasan pelanggan;
- b. kepatuhan kepada keperluan perkhidmatan PPK;
- c. ciri-ciri dan trenda mengenai proses serta produk termasuk tindakan pencegahan;
- d. pembekal.

8.5 Penambahbaikan

8.5.1 Penambahbaikan Secara Menyeluruh

BPG hendaklah secara berkesan membuat penambahbaikan yang menyeluruh ke atas SPK dengan mendapatkan data melalui MKSP, maklum balas pelanggan, penendarasan, laporan penemuan audit, tindakan pembetulan, tindakan pencegahan dan penilaian semula proses.

Input yang digunakan untuk menyokong proses penambahbaikan boleh didapati daripada data yang telah disahkan, data proses, data ujian, data penilaian sendiri, pernyataan pelanggan dan pihak berkepentingan, pengalaman-pengalaman anggota organisasi, prestasi produk dan data penyampaian perkhidmatan PPK.

Bagi melaksanakan perancangan penambahbaikan yang menyeluruh, BPG hendaklah merujuk Annex B MS ISO 9004:2000(E).

8.5.2 Tindakan Pembetulan

BPG hendaklah mengambil tindakan untuk menghapuskan punca ketidakpatuhan supaya hal itu tidak berulang. Tindakan pembetulan hendaklah bersesuaian dengan kesan ketidakpatuhan yang berlaku.

Prosedur tindakan pembetulan hendaklah diwujudkan meliputi keperluan yang berikut:

	MANUAL KUALITI	NO.KELUARAN : 05
		NO.PINDAAN : 00
		TARIKH KUAT KUASA : 15.02.08
		MUKA SURAT : 55/55
		BPG-PPK-MK-01

- a. Pengenalpastian ketidakpatuhan termasuk aduan pelanggan;
- b. Pemantauan punca-punca ketidakpatuhan;
- c. Penilaian tentang keperluan untuk mengambil tindakan bagi memastikan ketidakpatuhan tidak berulang;
- d. Penentuan dan pelaksanaan tindakan yang diperlukan;
- e. Rekod-rekod hasil daripada tindakan yang dilaksanakan; dan
- f. Mengkaji semula tindakan pembedahan yang telah dilaksanakan.

Tindakan pembedahan yang diambil hendaklah dimaklumkan dalam MKSP. Keberkesanan tindakan pembedahan hendaklah disahkan oleh WP.

8.5.3 Tindakan Pencegahan

BPG/IPG hendaklah menentukan tindakan bagi menghapuskan punca-punca ketidakpatuhan yang dijangkakan bagi menghalangnya daripada berlaku. Prosedur tindakan pencegahan hendaklah diwujudkan meliputi perkara-perkara yang berikut:

- a. Penentuan prestasi ketidakpatuhan dan punca-puncanya;
- b. Penilaian mengenai keperluan untuk tindakan bagi memastikan ketidakpatuhan tidak akan berulang;
- c. Penentuan dan pelaksanaan tindakan yang diperlukan;
- d. Rekod-rekod hasil daripada tindakan-tindakan yang dilaksanakan; dan
- e. Mengkaji semula tindakan pencegahan yang telah dilaksanakan.

Dokumen yang berkaitan:

BPG-PPK-PUP-01 Pengendalian Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

BPG-PPK-PUP-02 Tindakan Pembedahan dan Pencegahan

Semua tindakan pembedahan, pencegahan dan penambahbaikan yang telah diambil hendaklah dilaporkan oleh TWP kepada WP/MKSP.

WP/TWP bertanggungjawab untuk memastikan tindakan pembedahan, pencegahan dan usaha penambahbaikan dilaksanakan dan diambil tindakan susulan.

Semua maklum balas pelanggan dikendalikan oleh TWP dengan teliti serta direkodkan dan dilaporkan dalam MKSP.